



The Sarawak Museum Journal

Vol. XLVII No. 68

December 1997



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Abang Haji Nawawi Abang Drahman. (1997). Sastera Melayu Sarawak Sebagai Saluran Hasrat Pembangunan: Satu Renungan Sejarah. *The Sarawak Museum Journal*, XLVII (68): 19-31

SASTERA MELAYU SARAWAK SEBAGAI SALURAN HASRAT PEMBANGUNAN: SATU RENUNGAN SEJARAH

Abang Haji Nawawi Abang Drahman

ABSTRACT

- I. Penglibatan serius golongan cendekiawan dalam arena penulisan Melayu hari ini, adalah tahap barn dan kemuncak kejayaan sastera Melayu di Sarawak. Pada tahun-tahun tiga puluhan, empat puluhan hingga lima puluhan malah enam puluhan hanya guru-guru Melayu lepasan Maktab Perguruan sahajalah yang berminat kepada sastera. Tetapi sistem pendidikan negara kita dalam tahun-tahun tujuh puluhan dan lapan puluhan, membolehkan proses agihan peminat sastera merangkumi penyer-taan golongan siswazah dan graduan-graduan dari institut pengajian tinggi, ke dalam budaya kesusas-teraan Melayu di Sarawak. Bertolak dari sini, saya cuba sampaikan dengan ringkasnya dalam ceramah ini, sambil merenung kembali perkembangan bahasa Melayu sejak zaman keluarga Brooke dan perkembangan sastera Melayu sebelum dan sesudah Sarawak mencapai kemerdekaannya, sambil berkongsi pendapat dengan para peserta untuk mencari titik tolak budaya sastera kita demimencapai Wawasan 2020.

SASTERA MELAYU SARAWAK
SEBAGAI SALURAN HASRAT PEMBANGUNAN:
SATU RENUNGAN SEJARAH

oleh

Abang Haji Nawawi Abang Drahman

I. Penglibatan serius golongan cendekiawan dalam arena penulisan Melayu hari ini, adalah tahap baru dan kemuncak kejayaan sastera Melayu di Sarawak. Pada tahun-tahun tiga puluhan, empat puluhan hingga lima puluhan malah enam puluhan hanya guru-guru Melayu lepasan Maktab Perguruan sahajalah yang berminat kepada sastera. Tetapi sistem pendidikan negara kita dalam tahun-tahun tujuh puluhan dan lapan puluhan, membolehkan proses agihan peminat sastera merangkumi penyertaan golongan siswazah dan graduan-graduan dari institut pengajian tinggi, ke dalam budaya kesusteraan Melayu di Sarawak.

Bertolak dari sini, saya cuba sampaikan dengan ringkasnya dalam ceramah ini, sambil merenung kembali perkembangan bahasa Melayu sejak zaman keluarga Brooke dan perkembangan sastera Melayu sebelum dan sesudah Sarawak mencapai kemerdekaannya, sambil berkongsi pendapat dengan para peserta untuk mencari titik tolak budaya sastera kita demi mencapai Wawasan 2020.

II. Pada hemat saya, babak pertama sastera Melayu yang kita kenali di Sarawak selepas terbitnya buku *Hikayat Panglima Nikosa* dalam tahun 1876, bermula pada zaman penglibatan guru-guru Melayu lulusan Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak (MPSI) dalam dunia penulisan Melayu sekitar tahun-tahun tiga puluhan. Jumlah guru-guru terlibat, amatlah sedikit.

Babak kedua ialah, zaman anti penyerahan Sarawak kepada Kerajaan Inggeris di sekitar tahun empat puluhan dimana 338 orang pegawai-pegawai perkhidmatan Kerajaan yang sebahagiannya terdiri dari guru-guru Melayu, meletak jawatan sebagai bantahan kepada Pekililing Kerajaan No. 9. Ini seterusnya membawa kepada babak ketiga, iaitu pelaksanaan Akta Pelajaran Kebangsaan (1971) yang dipanjangkan ke negeri Sarawak dalam tahun 1976.

III. Dalam pembicaraan yang amat ringkas ini, saya akan mengimbaskan kembali sejarah pengwujudan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran